

## Pastikan peruncit tidak naikkan harga menjelang Ramadan - Datuk Alexander

April 14, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



**KUALA LUMPUR , 14 April** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan memastikan peruncit tidak menaikkan harga keperluan asas sewenang-wenangnya menjelang bulan Ramadan.

Menterinya, Datuk Alexander Nanta Linggi beri jaminan pihaknya akan terus memantau keseluruhan aktiviti rantai bekalan.

Ini termasuklah memastikan pematuhan dari sudut harga hingga ke pengedaran barangan pengguna, sepanjang Ramadan yang berlangsung dalam tempoh PKP.

Beliau ditemui selepas sesi rakaman program Bicara Naratif di Angkasapuri.

Di majlis yang sama, beliau turut menghulurkan sumbangan berupa topeng muka dan cecair pembasmi kuman kepada kakitangan RTM.

RTM diwakili Ku Mohamad Arafat Ku Mustafa, Penyelaras Bicarawara, Seksyen Ehwal Semasa.

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/17532-pastikan-peruncit-tidak-naikkan-harga-menjelang-ramadan-datuk-alexander>